

**TEKS UCAPAN**

**YBHG. PROF. DATUK DR. HAJAH ROZIAH MOHD JANOR  
NAIB CANSOLOR  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**SEMPENA**

**MAJLIS  
MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN  
ANTARA UiTM DENGAN FELDA**

**18 SEPTEMBER 2023 | ISNIN | 3.00 PETANG  
MENARA FELDA, PERSIARAN KLCC  
KUALA LUMPUR**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**Yang Berbahagia Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek**  
Pengerusi FELDA

**Yang Berbahagia Dato' Amiruddin Abdul Satar**  
Pengarah Besar FELDA

**Yang Berbahagia Profesor Dr. Mohamad Hariri  
Abdullah**  
Timbalan Naib Canselor UiTM  
Jaringan Industri, Komuniti & Alumni (ICAN)

**Yang Berbahagia Prof. Madya Datin Sri Dr Nazura  
Mohamad Sayuti**  
Pengarah Pusat Alumni ICAN

**Datuk–Datuk, Datin–Datin, Tuan–Tuan dan  
Puan–Puan serta hadirin yang saya hormati  
sekalian.**

**(Salutasi – kemas kini berdasarkan kehadiran)**

**Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,  
Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.**

1. Alhamdulillah, syukur kepada Allah SWT serta selawat dan salam ke atas junjungan Nabi Muhammad SAW, di atas limpah kurnia dan izin-Nya, kita dapat berhimpun di dalam **Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman antara Universiti Teknologi MARA dengan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan.**

2. Pada kesempatan ini, saya merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada pihak FELDA, khususnya **Yang Berbahagia Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek, Pengerusi FELDA** di atas kerjasama sehingga terlaksananya perjanjian persefahaman ini dan majlis pada hari ini.

3. Saya juga mengucapkan tahniah dan syabas kepada Pejabat ICAN UiTM yang telah berusaha dan

memberikan komitmen atas inisiatif kepada usaha murni kolaborasi ini.

**Hadirin yang dihormati,**

4. FELDA sememangnya satu nama yang tidak asing lagi, di mana peranannya amat besar di dalam merancang dan melaksanakan pembangunan sosioekonomi rakyat Malaysia. Institusi ini telah berjaya meluaskan peluang pekerjaan dan mendatangkan faedah pembangunan, membasmi kemiskinan, meningkatkan produktiviti dan kualiti hidup serta kemudahan asas terutamanya kepada golongan yang memerlukan.

5. UiTM pula sebagai sebuah institusi pendidikan yang ditubuhkan sejak 67 tahun dahulu, juga sama penting di dalam melengkapinya kehendak pembangunan dengan melahirkan graduan bumiputera yang bakal mengurus pembangunan yang disasarkan dan seterusnya memacu pembangunan negara ke tahap lebih tinggi.

6. Pendek kata, FELDA dan UiTM saling lengkap melengkapinya di dalam melaksanakan tanggungjawab penubuhan masing-masing. FELDA berperanan sebagai agensi yang menyediakan aspek fizikal pembangunan, manakala UiTM berperanan di dalam menyediakan aspek pengurusan kognitif dan intelektual di kawasan-kawasan yang dibangunkan oleh FELDA.

**Para hadirin yang dihormati,**

7. Saya amat berbangga kerana MoU ini, pastinya dapat menyerlahkan satu lagi bentuk penglibatan dan jalinan sinergi antara pihak universiti bersama industri serta masyarakat. Ini sejajar dengan Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) 17, yang mana kita perlu mengukuhkan segala tujuan pelaksanaan dan mempergiatkan kerjasama ke arah pembangunan lestari.

8. Saya dimaklumkan pihak FELDA telah pun memulakan pelbagai projek dengan UiTM sejak beberapa tahun lalu. Difahamkan jalinan kerjasama UiTM dan FELDA dimanfaatkan untuk mengembangkan sektor perindustrian negeri.

9. Antara kolaborasi yang telah dilaksanakan adalah kerjasama UiTM Cawangan Melaka dengan pihak Ittihad *Trading & Resources Sdn. Bhd.* menerusi D'Qaseh *Grill Kitchen* dan komuniti FELDA Bukit Aping Barat menerusi Aping Barat *Rabbitries Food*.

10. Projek ini melibatkan kepakaran dari 3 buah fakulti di UiTM Cawangan Melaka, iaitu Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media, Fakulti Perakaunan serta Fakulti Pengurusan dan Perniagaan dalam membangunkan bidang keusahawanan bagi memacu pertumbuhan industri makanan berasaskan arnab yang diusahakan FELDA.

11. Kerjasama ini telah memberikan impak positif kepada komuniti FELDA Bukit Aping Barat. Antaranya, penjenamaan yang lebih kukuh dan berkesan,

pembinaan akaun sosial media yang lebih berfokus, penyediaan reka bentuk bahan promosi yang lebih menarik, serta penyediaan akaun kewangan yang lebih mampan.

12. Hasil dari kolaborasi ini menyaksikan UiTM Cawangan Melaka mendapat 2 geran penyelidikan yang berfokuskan kepada projek penternakan arnab, serta berjaya menerbitkan 2 penerbitan berindeks ERA.

13. Selain itu, Kolej Pengajian Kejuruteraan UiTM menerusi *Sports Engineering & Artificial Intelligence Centre* (SEA-IC) turut terlibat dalam Projek Peningkatan Kecekapan Operasi Ladang Arnab Tertutup di FELDA Gunung Besout 5 di Sungkai, Perak.



14. Bagi kolaborasi ini, penekanan diberi kepada penggunaan teknologi terkini *Internet of Things* dengan penyelesaian hijau melalui penggunaan tenaga solar. Projek ini akan membantu memacu pertumbuhan industri seperti ternakan arnab, serta memberi manfaat kepada program pembangunan peneroka yang dilaksanakan oleh pihak FELDA.

15. Antara strategi UiTM seterusnya adalah memperkukuhkan kerjasama dengan melibatkan para Alumni UiTM. Sebagai contoh, Alumni Fakulti Perladangan, Encik Mohd Rawi Othman yang kini merupakan seorang Konsultan Pemasaran Digital komited berkongsi ilmu, pengalaman dan kepakaran beliau bukan sahaja dengan alma mater-nya, tetapi juga

bersama komuniti dan industri yang memerlukan seperti FELDA.

16. Selain itu, MoU kali ini juga selaras dengan hasrat memastikan pola penggunaan dan penghasilan adalah secara lestari (SDG8), sebuah projek komuniti pengurusan sisa pepejal dan air kumbahan dari sisa arnab akan dimulakan tidak lama lagi.

17. Ingin juga saya berkongsi bahawa Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi UiTM sedang merangka pelan Pembangunan Sukan FELDA. Antara aktiviti yang dirancang oleh fakulti tersebut adalah membantu dalam memberikan khidmat nasihat dan perkhidmatan aplikasi sains sukan berprestasi tinggi kepada atlet dan jurulatih di Akademi bola sepak dan persatuan sukan FELDA.

**Hadirin sekalian,**

18. Saya yakin, MoU hari ini bakal melebar luas peluang untuk pihak UiTM dan FELDA. Gabungan kepakaran dan bakat sedia ada dari UiTM beserta kemudahan, keupayaan serta sumber dari pihak FELDA, akan memastikan masyarakat terus diperkasa.

19. Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak FELDA serta semua yang terlibat dalam inisiatif ini.

20. Semoga segala usaha murni kita ini akan berupaya meningkatkan produktiviti semua pihak, di samping mengukuhkan jaringan kerjasama ini. Insya-Allah.

**Sekian, terima kasih.**

**Wabillahi Taufiq Wal Hidayah**

**Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh**